精编

跟着课文走

全技能

综合练习

Latihan Mahir Integrasi Berdasarkan Buku Teks

马来文

Bahasa Melayu

根据
UASA格式
编写

附归纳式评估
Pentaksiran Sumatif

6上

HOTs KBAT 高阶思维技能

KSSR SEMAKAN

LIVEWORKSHEETS

C Tatabahasa

Penjodoh bilangan ialah perkataan yang digunakan bersama dengan kata bilangan untuk membilang sesuatu seperti benda, haiwan, tempat dan lain-lain.

Contoh payung-**kaki**, pisau-**bilah**, kereta-**buah**, sabun-**buku**.

Ⓐ *Pilih jawapan yang* **paling sesuai.** 5.1.1 (iv)

1 Puan Lim membeli se_____ baju untuk anaknya, Yan Ling.
- **A** helai
- **B** buah
- **C** bidang
- **D** kuntum

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



2 Zhang Li meletakkan _____ anggur ke dalam pinggan.
- **A** sebiji
- **B** seikat
- **C** segugus
- **D** setangkai

3 Encik Soo menunggang se_____ motosikal baharu dengan perlahan kerana jalan basah.
- **A** bidang
- **B** orang
- **C** buah
- **D** kaki

4 Empat _____ murid terpilih untuk mewakili sekolah dalam pertandingan badminton peringkat daerah.
- **A** batang
- **B** keping
- **C** kawan
- **D** orang

5 Di dalam hutan, terdapat se_____ tanah yang menjadi tempat tinggal kepada pelbagai spesies haiwan.
- **A** jambak
- **B** bidang
- **C** batang
- **D** helai

LIVEWORKSHEETS CanSemb

D Pemahaman

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

2 1 TP 1 2 3 4 5 6

Program Keluarga Angkat SJK(C) Tung Cheng merupakan satu program yang melibatkan murid-murid tahun enam. Program ini telah dirancang oleh pihak sekolah yang melibatkan juga guru kelas dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Tujuan program ini dijalankan adalah untuk memberikan pendedahan kepada murid dengan situasi sebenar kehidupan bermasyarakat.

Setiap ibu bapa angkat akan mempunyai lima orang anak murid dalam satu kumpulan. Setiap seorang guru akan berada bersama-sama ibu bapa angkat tersebut. Sebanyak enam kumpulan terlibat dalam program ini. Mereka telah diberikan tugasan mengikut kumpulan masing-masing seperti membersihkan longkang, membersihkan taman permainan, mengutip sampah di persekitaran balai raya, mengecat pagar balai raya dan sebagainya.

Setiap peserta akan berehat dan bermalam di rumah ibu bapa angkat masing-masing setelah selesai melakukan aktiviti amal ini. Selain dapat membantu meringankan beban keluarga angkat, mereka juga dapat merapatkan hubungan silaturahim. Program ini dapat membentuk sikap kerjasama antara ibu bapa angkat, guru-guru dan peserta itu sendiri selain dapat memotivasikan diri mereka.

1 (a) Program Keluarga Angkat SJK(C) Tung Cheng merupakan satu program

_____

(b) Apakah tujuan program Keluarga Angkat ini?

_____

_____

(c) *Gariskan* **satu kata kerja** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Selain dapat membantu meringankan beban keluarga angkat, mereka juga dapat merapatkan hubungan silaturahim.

LIVEWORKSHEETS

(d) *Pilih dan tandakan (✓) bagi pernyataan yang* **benar** *berdasarkan petikan.*

(i)	Setiap peserta akan pulang ke rumah setelah selesai melakukan aktiviti amal ini.	
(ii)	Setiap peserta akan berehat dan bermalam di rumah ibu bapa angkat masing-masing setelah selesai melakukan aktiviti amal ini.	

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.**

3.2.2 TP I 2 3 4 5 6

2

Rakan kamu, Zi Er telah kematian ibu dan bapanya dalam kemalangan jalan raya. Ada sebuah keluarga kaya ingin mengambil rakan kamu sebagai anak angkatnya dan ada pula keluarga sepupunya ingin membawa rakan kamu tinggal dengannya. Dia perlu membuat keputusan sama ada untuk memilih keluarga kaya itu atau tinggal bersama-sama keluarga sepupunya.

Sekiranya kamu Zi Er, apakah pilihan kamu? Buat pertimbangan dan nyatakan keputusan kamu.

LIVEWORKSHEETS

E Karangan

Grafik di bawah menunjukkan tentang aktiviti berkelah di tepi pantai.

Tuliskan pendapat kamu tentang **faedah-faedah berkelah di tepi pantai bersama-sama keluarga.**

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan.**

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan.**

3.2.2 TP I 2 3 4 5 6

Idea	Huraian	Contoh

LIVEWORKSHEETS